

FYi



Your OSH preferred partner

OKTOBER
2025

Pengurusan Aspek Psikososial di Tempat Kerja

Di Sebalik Keseronokan: Mengapa Pelancongan Kembara di Malaysia Memerlukan Pensijilan Keselamatan?



Oktober 2025

eISSN 2762-7412



Sidang Redaksi

Diterbitkan oleh:

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Malaysia (199201011539).

Alamat : Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

No. Tel : +6 03-8769 2100

No. Fax : +6 03-8926 2900

Emel : general@niosh.com.my

Laman Web : www.niosh.com.my

Penasihat

Dato' Haji Ayop Salleh
Mejar Haji Hanif Maidin (B)

Sekretariat

Noorliza Idawati Mat Nayan
Mohd Hussin Abd Salam
Siti Badariah Abu Bakar
Siti Norshuhada Abdul Aziz
M. Hamzah Jamaludin

Editor

Fatin Alisha Zulkifli

Pengiklanan dan Media

Mohd Hussin Abd Salam
Emel : dl.bmd@niosh.com.my
No. Tel :+6 016-559 7399

Penghantaran Sumber / Bahan / Artikel

Fatin Alisha Zulkifli
Emel: penerbitan@niosh.com.my
No. Tel:+6 017-942 6536



Sila imbas kod QR ini untuk memberi maklum balas kepada penerbitan NIOSH

Nota Pengarah Eksekutif

Assalamualaikum W. B. T.

Bismillahirrahmanirrahim.

Pengurusan risiko psikososial di tempat kerja merupakan elemen penting dalam usaha mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan sejahtera. Risiko psikososial ini perlu ditangani kerana ia bukan sahaja mempengaruhi kesejahteraan mental pekerja, tetapi juga boleh meningkatkan risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) secara keseluruhan.

Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), interaksi antara persekitaran kerja, organisasi kerja, deskripsi tugas, kapasiti bekerja dan budaya kerja merupakan faktor risiko psikososial yang boleh memberi impak besar terhadap produktiviti, komitmen dan kepuasan pekerja.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 mendedahkan seramai sejuta atau bersamaan 4.6 peratus penduduk Malaysia berusia lebih 15 tahun mengalami isu kemurungan. Jumlah itu menunjukkan peningkatan dua kali ganda berbanding tahun 2019 dengan golongan berusia 16 hingga 29 tahun paling ramai mengalaminya.

Lebih membimbangkan, dilaporkan seramai 44,901 pegawai awam yang menjalani saringan Sistem Profiling Digital Kesihatan Psikologi Perkhidmatan Awam (MyPsyD) didapati berisiko tinggi dalam isu kesihatan mental berkaitan kemurungan, keresahan, penyalahgunaan bahan dan tingkah laku bunuh diri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dilaporkan berkata, jumlah itu adalah 4.6 peratus daripada 975,780 penjawat awam yang terlibat dalam saringan MyPsyD bagi tempoh 1 Mac sehingga 31 Disember 2024.

Bagi menangani isu kesihatan mental di tempat kerja, NIOSH telah membangunkan modul latihan Program Pertolongan Cemas Pekerjaan (*Occupational Psychological First Aid – OPFA*) berdasarkan modul latihan Bantuan Asas Psikologi (PFA) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Negara (NCEMH) di bawah Kementerian Kesihatan (KKM).

Pada masa sama yang Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menerbitkan Garis Panduan Pentaksiran dan Pengurusan Risiko Psikososial di Tempat Kerja 2024 (PRisMA) yang menyediakan alat pentaksiran risiko psikososial, senarai semak pengurusan risiko untuk majikan dan pelan tindakan pengurusan risiko psikososial.

Ketika mengumumkan kursus percuma untuk 10,000 peserta OPFA pada bulan Februari tahun lepas, Menteri Sumber Manusia YB. Steven Sim Chee Keong berkata inisiatif berkenaan dilaksanakan NIOSH bagi menggalakkan peserta mengambil bahagian dalam

program yang mampu menangani isu kesihatan di tempat kerja.

Beliau berkata program yang julung-julung kali diadakan itu adalah sebahagian anjakan paradigma Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) yang mahu melihat soal keselamatan dan kesihatan pekerja ditangani bukan sekadar dari aspek fizikal tetapi juga merangkumi kesihatan mental.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kali (COSH) ke 24 dan Persidangan Sainifik Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kali ke 6 (SCICOSH) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 19 Februari 2024.

Apa yang membanggakan, sepanjang tahun 2024 NIOSH telah berjaya melatih 11,910 peserta OPFA secara percuma, melebihi sasaran yang ditetapkan KESUMA.

Kejayaan ini menunjukkan bahawa NIOSH turut membantu KESUMA dan organisasi membina ekosistem kerja yang selamat dan sejahtera, selaras dengan Kerangka Malaysia MADANI yang turut memberi perhatian kepada kesejahteraan pekerja.

Menerusi penyelesaian KKP holistik NIOSH, yang turut merangkumi khidmat nasihat teknikal, penilaian risiko dan audit keselamatan untuk memastikan pematuhan standard, organisasi bukan sahaja mampu memenuhi keperluan keselamatan fizikal tetapi juga membina budaya sokongan psikososial yang mantap di tempat kerja.

Bagi Buletin FYi edisi Oktober 2025, NIOSH membawakan artikel yang berkaitan bertajuk "Pengurusan Aspek Psikososial di Tempat Kerja". Ia menekankan kepentingan mengenal pasti hazard psikososial, mentaksir risiko serta melaksanakan langkah kawalan secara berterusan bagi memastikan agar keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pekerja terjamin.

Semoga perkongsian ini meningkatkan kesedaran dan mendorong tindakan proaktif dalam membina budaya keselamatan dan kesejahteraan yang mantap di setiap tempat kerja.

Se kian, terima kasih. ▽

YBhg. Dato' Haji Ayop Salleh

Pengarah Eksekutif
Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)

Senarai Kandungan

| | |
|---|----------------|
| Pengurusan Aspek Psikososial di Tempat Kerja | 3 - 5 |
| Di Sebalik Keseronokan: Mengapa Pelancongan Kembara di Malaysia Memerlukan Pensijilan Keselamatan? | 6 - 7 |
| Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Bulan Oktober 2025 | 8 - 11 |
| Papan Kenyataan | 12 - 13 |
| Sudut Informasi | 14 - 15 |
| Keratan-Keratan Akhbar | 16 |

Pengurusan Aspek Psikososial di Tempat Kerja

► Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD), NIOSH

Pengurusan risiko psikososial di tempat kerja merupakan salah satu elemen penting dalam usaha mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan sejahtera. Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau *International Labor Organization* (ILO), interaksi antara persekitaran kerja, organisasi kerja, diskripsi kerja, kapasiti bekerja dan budaya kerja dianggap sebagai faktor risiko psikososial yang mempunyai pengaruh besar terhadap produktiviti, komitmen dan kepuasan bekerja. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika risiko psikososial menjadi salah satu faktor yang boleh meningkatkan risiko keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan di tempat kerja.

Pengurusan risiko psikososial lazimnya dimulakan dengan langkah mengenalpasti hazard. Secara ringkas, hazard membawa maksud sebarang sumber atau situasi yang berpotensi untuk menyebabkan kecederaan atau gangguan kesihatan kepada pekerja. Hazard psikososial yang menjadi punca kepada pendedahan risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dikenalpasti wujud dalam semua organisasi, daripada semua jenis tugas, peralatan dan pengaturan pekerjaan. Ia boleh berlaku daripada kombinasi beberapa aspek serta boleh mempengaruhi dan dipengaruhi oleh kategori hazard lain yang wujud di tempat kerja seperti hazard fizikal, kimia,

biologi, ergonomik dan sebagainya.

Menurut dokumen ISO 45003:2021 Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan – Kesihatan dan Keselamatan Psikologi di Tempat Kerja – Garis Panduan Pengurusan Risiko Psikososial, tiga aspek utama yang menghadirkan hazard psikososial adalah:

- a. penyusunan kerja;
- b. faktor sosial di tempat kerja; dan
- c. persekitaran kerja, peralatan dan tugas berbahaya.

Jadual1: Contoh-contoh hazard psikososial berkaitan aspek faktor sosial di tempat kerja (Rujukan: ISO45003:2021)

| Contoh-contoh | |
|-----------------------------------|--|
| Hubungan interpersonal | <ul style="list-style-type: none"> • perhubungan yang lemah, termasuk perkongsian maklumat yang terhad • hubungan yang tidak baik antara pengurus, penyelia, rakan sekerja, dan pelanggan atau orang lain yang berhubungan dengan pekerja • konflik interpersonal • gangguan, buli, penganiayaan (termasuk penggunaan media elektronik seperti e-mel dan media sosial), keganasan oleh pihak ketiga • kurang sokongan sosial • ketidakseimbangan kuasa hubungan antara kumpulan pekerja dominan dengan yang tidak dominan • pemencilan fizikal dan sosial |
| Kepimpinan | <ul style="list-style-type: none"> • visi dan objektif yang kabur • gaya pengurusan yang tidak disesuaikan dengan kelaziman dan tuntutan kerja • kegagalan mendengar atau sekadar mendengar aduan dan cadangan • menyembunyikan maklumat • menyediakan komunikasi dan sokongan yang tidak lengkap • kebertanggungjawaban yang rendah • kurang adil • tidak konsisten dan amalan pembuatan keputusan yang kurang baik • salah laku dan salahguna kuasa |
| Budaya organisasi/ kumpulan kerja | <ul style="list-style-type: none"> • perhubungan yang tidak baik • sokongan dalam pembuatan keputusan dan pembangunan kerjaya yang lemah • kurang definisi, atau bersetuju dengan objektif organisasi • tidak konsisten dan tempoh masa pelaksanaan dasar yang tidak sesuai, pembuatan keputusan yang tidak adil |
| Pengiktirafan dan ganjaran | <ul style="list-style-type: none"> • ketidakseimbangan antara daya usaha pekerja dengan pengiktirafan dan ganjaran rasmi dan tidak rasmi • kurang pengakuan dan penghargaan terhadap daya usaha pekerja dalam tempoh yang sesuai dan adil |
| Pembangunan kerjaya | <ul style="list-style-type: none"> • kekekalan dan ketidaktentuan pembangunan kerjaya, kurang kenaikan pangkat atau terlebih kenaikan pangkat, kurang peluang pembangunan kemahiran |

| | |
|----------------------------------|---|
| Sokongan | <ul style="list-style-type: none"> • kurang sokongan daripada penyelia dan rakan sekerja • kurang capaian kepada khidmat sokongan |
| Penyeliaan | <ul style="list-style-type: none"> • kurang maklum balas yang meningkatkan prestasi dan kurang proses penilaian • kurang dorongan dan pengakuan • kurang perhubungan • kurang perkongsian tentang visi dan objektif organisasi • kurang sokongan dan/atau sumber untuk memudahkan peningkatan prestasi • kurang keadilan • salahguna pemantauan digital |
| Kesopanan dan hormat | <ul style="list-style-type: none"> • kurang kepercayaan, ketelusan, rasa hormat, kesopanan dan keadilan • kurang hormat dan pertimbangan terhadap interaksi di kalangan pekerja, juga dengan pembeli, pelanggan dan orang awam |
| Keseimbangan kerja dan kehidupan | <ul style="list-style-type: none"> • tugas, peranan, jadual dan jangkaan kerja yang menyebabkan pekerja bekerja melampaui waktu kerja • konflik tuntutan tugas dengan kehidupan • kerja yang memberi kesan kepada pemulihan keupayaan pekerja |
| Keganasan di tempat kerja | <ul style="list-style-type: none"> • kejadian yang melibatkan ancaman yang nyata dan tersirat terhadap kesihatan, keselamatan atau kesejahteraan kerja; keganasan boleh berbentuk dalaman, luaran atau yang dimulakan oleh pelanggan, contohnya: <ul style="list-style-type: none"> » penganiayaan » ancaman » serangan (fizikal, lisan atau seksual) • keganasan berasaskan jantina |
| Gangguan | <ul style="list-style-type: none"> • perlakuan yang tidak diingini, berbentuk serangan dan ugutan (secara seksual mahupun bukan seksual) yang berkait dengan satu atau lebih ciri khusus individu yang disasarkan, contohnya: <ul style="list-style-type: none"> » kaum » identiti jantina » agama atau kepercayaan » berorientasikan seks » kelainan upaya » umur |
| Buli dan penganiayaan | <ul style="list-style-type: none"> • perlakuan yang tidak munasabah secara berulang (lebih daripada sekali) yang boleh meningkatkan risiko kepada kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan kerja; perlakuan yang dizahirkan secara terang-terangan atau samar-samar, contohnya: <ul style="list-style-type: none"> » pengasingan secara fizikal atau sosial » penetapan tugas yang tidak digemari dan tiada makna » menggelar, mengaibkan dan mengugut » kelakuan yang merendah-rendahkan » kritikan umum yang tidak kena pada tempatnya » menyembunyikan maklumat atau sumber kritikal untuk kerja seseorang » khabar angin yang berniat jahat atau gosip liar » penetapan tarikh akhir penyempurnaan tugas yang tidak munasabah |

ISO 45003:2021 merupakan garis panduan global pertama yang menyediakan panduan praktikal pengurusan psikologi di tempat kerja melalui Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja atau *Occupational Health and Safety Management System (OHSMS)*.

Garis panduan tersebut juga menyatakan kewajaran sesebuah organisasi mengenalpasti hazard dengan memahami sumber yang boleh memudaratkan sebelum kawalan risiko dipertimbangkan dalam meningkatkan kecekapan aktiviti mengurus risiko psikososial serta mewujudkan,

melaksana dan mengekalkan proses pengenalpastian hazard yang berterusan dan proaktif. Terdapat keperluan untuk semakan semula pendedahan risiko pada sela masa tertentu atau apabila berlakunya insiden yang membuktikan bahawa kawalan risiko sedia ada tidak memadai untuk melindungi pekerja.

Sesebuah organisasi perlu mengadakan, melaksanakan dan mengekalkan proses bagi pengenalpastian hazard psikososial sedia ada dan proses yang proaktif. Perkara ini boleh dilaksanakan dengan:

- menyemak deskripsi kerja;
- menganalisis tugas, jadual dan lokasi kerja;
- berunding dengan pekerja, pelanggan atau pihak yang berkepentingan;
- menganalisis penilaian prestasi, tinjauan pandangan pekerja, soal selidik yang diseragamkan, atau audit;
- mengadakan sesi wawancara, perbincangan dalam kumpulan atau menggunakan senarai semak;
- melaksanakan pemeriksaan tempat kerja dan pemerhatian yang boleh membantu meningkatkan kefahaman terhadap bagaimana sesuatu kerja itu dilaksanakan dan bagaimana pekerja-pekerja berinteraksi antara satu sama lain.
- menyemak dokumen yang sesuai seperti laporan kejadian kemalangan, laporan hazard dan risiko, statistik kesihatan pekerjaan mengikut kumpulan, tuntutan pampasan pekerja, tinjauan pandangan pekerja, ketidakhadiran bekerja dan data pusing ganti pekerja.

Wujud keadaan di mana maklumat boleh mengkhusus kepada pekerja tertentu. Adalah penting data diagregatkan atau digantikan dengan kod tertentu ketika proses pengumpulan data bagi memastikan kerahsiaan maklumat peribadi pekerja terbabit terpelihara. Sesebuah organisasi wajar mengambil kira pengetahuan, kepakaran dan keterampilan pekerja dalam pekerjaannya dan berunding dengan pekerja yang sesuai serta perwakilan pekerja, sekiranya ada, dalam mengenalpasti hazard psikososial dan bagaimana kerja mereka boleh diatur dan dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Pentaksiran risiko dan peluang

Sesebuah organisasi seterusnya boleh mentaksir risiko berkaitan hazard psikososial yang dikenalpasti dan menggunakan peluang untuk mengurangkan risiko serta memandu ke arah penambahbaikan berturutan. Pentaksiran tersebut wajar:

- memberikan maklumat tentang kemudahan yang berpotensi;
- membandingkan kumpulan yang

dibezakan dari segi pendedahan, atau pelaporan mengenai hazard psikososial;

- mempertimbangkan tindakbalas risiko psikososial dengan risiko daripada hazard lain yang telah dikenalpasti;
- menyusun keutamaan hazard mengikut tahap pendedahan risiko;
- mempertimbangkan kepelbagaian yang wujud di tempat kerja;
- menyediakan maklumat berkaitan langkah kawalan dan peluang untuk penambahbaikan.

Kawalan risiko psikososial berkaitan faktor sosial di tempat kerja

Sesebuah organisasi wajar melaksanakan langkah kawalan bagi risiko psikososial berkaitan faktor sosial di tempat kerja. Kawalan yang dimaksudkan termasuklah:

- meningkatkan kesedaran risiko psikososial dan penyediaan maklumat dan latihan kepada pekerja tentang kaedah pelaporannya;
- menggalakkan pelaporan awal isu oleh pekerja dengan mempamerkan komitmen organisasi dalam penyediaan khidmat sokongan, nilai hormat menghormati dalam persekitaran kerja dan mengekalkan kerahsiaan;
- mewujudkan sistem sokongan untuk pekerja yang mengalami impak negatif daripada pendedahan terhadap risiko psikososial;
- membangunkan dasar organisasi dan panduan yang menggariskan jangkaan terhadap tingkah laku dan bagaimana tingkah laku yang tidak dapat diterima umum akan diuruskan,
- menyediakan arahan khusus tentang risiko yang boleh dijangka, tindak balas yang wajar ketika berlakunya insiden dan penyediaan bantuan selepas insiden menimpa pekerja;
- menyediakan latihan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran yang bersesuaian dalam mengenalpasti risiko psikososial dan mengesan tanda-tanda awal stres berlebihan dan kesan kesihatan berkaitan kerja;
- menyediakan capaian kepada maklumat berkaitan khidmat sokongan, khidmat kesihatan pekerjaan yang umum, sesi penerangan tertutup, kaunseling, dan khidmat menangani konflik;

h. menyediakan maklumat kepada pekerja tentang hak dan tanggungjawab;

- mengiktiraf dan memberi ganjaran atas komitmen dan pencapaian pekerja;
- meningkatkan budaya positif di tempat kerja melalui program-program berintegrasi (contoh: amalan baik kesihatan dan keselamatan pekerjaan, tanggungjawab sosial, kelestarian alam sekitar, khidmat masyarakat);
- mempromosikan tempat kerja bebas keganasan dan gangguan pekerjaan;
- menyediakan khidmat sokongan yang responsif dan selamat kepada mangsa keganasan dan gangguan (termasuk keganasan berasaskan jantina dan gangguan seksual).

Di penghujung tahun 2024, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah menerbitkan Garis Panduan Pentaksiran dan Pengurusan Risiko Psikososial di Tempat Kerja 2024 (PRisMA) yang menyediakan Alat Pentaksiran Risiko Psikososial, Senarai Semak Pengurusan Risiko untuk Majikan dan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Psikososial. Dokumen ini seterusnya memberikan panduan pelaksanaan langkah kawalan risiko psikososial berdasarkan 7 tema PRisMA iaitu Sokongan Sosial, Persekitaran Kerja, Peadanan Kerja, Latihan dan Pendidikan, Ketelusan dan Keadilan, Kawalan dan Beban Kerja.

Kesimpulannya, pengurusan hazard psikososial bagi aspek faktor sosial di tempat kerja bermula dengan langkah pengenalpastian hazard, diikuti dengan pentaksiran risiko dan peluang bagi menentukan keutamaan kawalan serta dilengkapkan dengan tindakan kawalan risiko. Terdapat rujukan piawaian antarabangsa ISO 45003:2021 dan garis panduan tempatan, contohnya PRisMA; bagi membolehkan organisasi mengatur pelan tindakan yang wajar. Langkah ini turut diperluaskan untuk meliputi pelaksanaan kawalan yang berkesan dan berterusan agar keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pekerja terjamin sepanjang masa. Pada masa yang sama, operasi yang mampan dapat diteruskan oleh setiap organisasi dalam industri yang membantu menjana pendapatan dan meningkatkan taraf ekonomi negara secara amnya. ▀

Di Sebalik Keseronokan: Mengapa Pelancongan Kembara di Malaysia Memerlukan Pensijilan Keselamatan?

- ▶ Dr. Mohd. Salleh Daim
- ▶ Principal Associate
- ▶ NIOSH Certification Sdn. Bhd.

Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan sumber alam dan juga dikenali sebagai negara mega-kepelbagaian biologi. Landskap dan ekosistemnya amat luas, dari hutan hujan tropika yang berusia beratus juta tahun sehinggalah pulau-pulau yang indah serta laut yang menakjubkan. Keindahan gunung-ganang, bukit-bukau, gua, sungai serta hutan paya bakau sentiasa menggamit pengunjung dan penggemar pelancongan kembara untuk datang ke Malaysia sejak dahulu lagi. Namun, dalam beberapa tahun kebelakangan ini pelancongan kembara di Malaysia mengalami perubahan trend yang ketara.

Pasca pandemik Covid-19, sektor pelancongan kembara di Malaysia menyaksikan peningkatan kehadiran pelancong domestik dan serantau. Mereka ini mencari percutian yang menawarkan pengalaman alam semulajadi dan aktiviti luar yang unik dan mencabar. Destinasi seperti Taman Negara Pahang, Gunung Kinabalu, Pulau Perhentian, Merapoh dan Sungai Gopeng adalah antara contoh destinasi yang semakin popular bagi melakukan pelbagai aktiviti seperti *jungle trekking*, *white-water rafting*, mendaki gunung, menjelajah gua, *rock climbing*, berkayak, *snorkelling*, *diving* dan lain-lain lagi.

Penggunaan media sosial secara meluas juga telah mempengaruhi trend pelancongan kembara pada masa kini. Pengguna media sosial dan pengengaruh bukan sahaja mencari pengalaman yang menyeronokkan, bahkan berkongsi pengalaman itu di platform media sosial. Operator dan pengusaha pelancongan kembara juga menggunakan media sosial sebagai platform promosi dan pemasaran yang sangat berkesan. Mereka berusaha menawarkan aktiviti-aktiviti yang lebih unik, menarik dan menyeronokkan. Ada pula di antara mereka yang meningkatkan lagi tahap risiko aktiviti-aktiviti tersebut bagi menarik lebih ramai pelancong dan seterusnya meningkatkan permintaan terhadap pakej mereka. Tambahan pula, platform tempahan dalam talian dan aplikasi mudah alih memudahkan pelancong mencari dan

menempah pakej pengembaraan. Walaupun ini meningkatkan capaian, ia juga menimbulkan cabaran dalam memastikan maklumat keselamatan yang tepat dan terkini disampaikan kepada pengguna.

Pelancong kembara mencari keseronokan dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang mencabar sama ada yang setara atau melewati batas keupayaan mereka. Oleh itu, operator pelancongan kembara juga berusaha menyediakan aktiviti-aktiviti bagi memenuhi permintaan yang pelbagai ini. Di sebalik pertumbuhan dan trend positif ini, risiko masih tetap ada dalam setiap aktiviti kembara. Cuaca yang tidak menentu, kegagalan peralatan, kesilapan manusia dan pertembungan dengan hidupan liar, semuanya boleh membawa kepada insiden yang tidak diingini.

Walaupun banyak pengusaha di Malaysia telah menunjukkan komitmen terhadap keselamatan, variasi dalam amalan dan piawaian tanpa pensijilan yang seragam boleh mengikis kepercayaan pelancong dan seterusnya menjejaskan prestasi pakej mereka. Justeru, untuk mengimbangi trend dan perkembangan terkini didalam pelancongan kembara ini, keperluan untuk pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan (SMS) yang sedia ada iaitu MS ISO 21011:2014 **Adventure Tourism Safety Management System (ATSMS)** perlu diberi pertimbangan bagi semua pengusaha pelancongan kembara di Malaysia. Ia tidak seharusnya dijadikan pilihan, tetapi sepatutnya dijadikan kemestian.

Belajar dari Teori Kemalangan

Sejarah telah menunjukkan kepada kita bahawa insiden boleh berlaku pada bila-bila masa. Adakalanya, insiden yang berlaku boleh mengakibatkan kecederaan atau kesan yang serius. Kita telah menyaksikan laporan kemalangan yang melibatkan aktiviti pengembaraan, seperti insiden **pelancong lemas semasa aktiviti white water rafting** atau **pelancong yang sesat dan tercedera semasa trekking di hutan**. Walaupun kes-kes ini jarang berlaku berbanding jumlah aktiviti yang dijalankan, setiap satu daripada insiden ini bukan sahaja meragut nyawa atau menyebabkan

kecederaan, tetapi turut memberi kesan negatif terhadap imej industri pelancongan pengembaraan negara.

Untuk memahami bagaimana insiden ini berlaku, kita boleh melihat kepada **Teori Kemalangan Domino oleh H.W. Heinrich**. Teori ini mencadangkan bahawa kemalangan tidak berlaku secara kebetulan, tetapi merupakan hasil daripada satu siri peristiwa atau “domino” yang jatuh secara berturutan:

Persekitaran Sosial dan Kesilapan Seseorang (Social Environment & Fault of Person): Ini merujuk kepada faktor peribadi seperti sikap cuai, kurang pengetahuan, atau amalan kerja yang tidak selamat oleh individu atau organisasi.

Perbuatan atau Keadaan Tidak Selamat (Unsafe Act & Unsafe Condition): Ini adalah tindakan atau situasi yang secara langsung boleh menyebabkan kemalangan, seperti penggunaan peralatan yang rosak, latihan yang tidak mencukupi, atau prosedur keselamatan yang diabaikan.

Kemalangan (Accident): Kejadian yang tidak diingini yang berlaku akibat domino sebelumnya.

Kecederaan (Injury): Hasil daripada kemalangan, sama ada kecederaan fizikal atau kerosakan harta benda.

Dalam konteks pelancongan pengembaraan, kegagalan dalam satu atau lebih “domino” ini boleh membawa kepada kemalangan. Contohnya, **penyelenggaraan peralatan yang tidak sempurna** (keadaan tidak selamat) atau **jurupandu yang tidak terlatih sepenuhnya** (perbuatan tidak selamat) boleh menjadi punca utama di sebalik insiden. Ini mengukuhkan hujah bahawa komitmen pengusaha pakej sahaja tidak mencukupi kerana kita memerlukan sistem yang seragam untuk melindungi pelancong dan reputasi Malaysia.

Peranan Penting ATSMS

Menerapkan MS ISO 21011:2014 Adventure Tourism Safety Management System (ATSMS) di dalam operasi pelancongan kembara bukan sekadar mengikut peraturan kerana ia sebenarnya

turut menerapkan amalan **budaya keselamatan**. Sistem pengurusan ini menyediakan rangka kerja komprehensif yang proaktif dalam mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko. Komponen utamanya termasuk:

Penilaian Risiko dan Pengenalpastian Bahaya: Mengetahui potensi bahaya sebelum ia berlaku.

Perancangan Tindak Balas Kecemasan: Prosedur jelas untuk bertindak balas terhadap insiden.

Latihan Kakitangan yang Komprehensif: Memastikan pemandu, jurulatih dan kakitangan sokongan mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang terkini.

Penyelenggaraan Peralatan yang Berkala: Memastikan semua peralatan berfungsi dengan baik dan selamat digunakan.

Pelaporan dan Analisis Insiden: Belajar daripada setiap insiden (walaupun yang kecil) untuk penambahbaikan berterusan.

Manfaat ATSMS adalah jelas iaitu mengurangkan kemalangan dan kecederaan, meningkatkan kepuasan dan kepercayaan pelanggan, memperkukuh reputasi pengusaha dan industri secara keseluruhan, meningkatkan kecekapan operasi dan berpotensi mengurangkan premium insurans. Dengan melaksanakan ATSMS, kita secara efektif menyingkirkan atau mengawal setiap “domino” dalam teori kemalangan, sekali gus mencegah insiden daripada berlaku.

Mengapa Pensijilan Wajib ATSMS adalah Kunci?

Sebagai permulaan, pematuhan sukarela adalah langkah baik, tetapi tidak mencukupi untuk industri sebesar pelancongan kembara. Tanpa pensijilan wajib, akan wujud satu situasi yang tidak konsisten terhadap piawaian di mana ia boleh dieksploitasi oleh pengusaha yang kurang bertanggungjawab. Pensijilan wajib, yang dikuatkuasakan oleh agensi seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) atau badan yang diiktiraf, akan:

Menetapkan Piawaian Minimum: Memastikan semua pengusaha mematuhi tahap keselamatan asas yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa seperti yang digariskan didalam ATSMS.

Memberi Keyakinan kepada Pelancong: Pelancong, terutamanya dari negara luar yang semakin mementingkan keselamatan, akan lebih yakin memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan kembara. Ini selaras dengan peningkatan pelancong yang mencari kualiti dan keselamatan.

Memacu Kualiti Industri: Menggalakkan pengusaha untuk sentiasa memperbaiki amalan keselamatan mereka, sekali gus meningkatkan kualiti keseluruhan produk pelancongan kembara Malaysia.

Perlindungan Undang-undang: Memberikan asas yang lebih kukuh untuk tindakan undang-undang sekiranya berlaku kecuriaan.

Dengan pensijilan wajib ATSMS, Malaysia boleh mengukuhkan reputasinya sebagai destinasi pelancongan kembara yang selamat dan berdaya saing di peringkat global. Ia juga boleh meningkatkan lagi tahap profesionalisme industri pelancongan kembara dengan meningkatnya kompetensi mereka yang terlibat seperti pengusaha, operator, pemandu pelancong, pembawa bot, malim gunung dan ramai lagi yang terlibat. Ini bukan sahaja akan menarik lebih ramai dan meningkatkan keyakinan pelancong, bahkan akan dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi di samping memberi manfaat kepada komuniti tempatan yang bergantung kepada industri ini. Ia juga bakal mewujudkan ekosistem pelancongan kembara yang lebih mampan untuk pertumbuhan jangka panjang, bukan sahaja bagi syarikat-syarikat yang besar bahkan juga industri kecil dan sederhana (IKS) yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan.

Melangkah ke Hadapan

Pelaksanaan pensijilan wajib pasti akan menghadapi cabaran, termasuk kos dan kerumitan bagi sesetengah pengusaha, terutamanya mereka dari sektor IKS. Walau bagaimanapun, langkah-langkah mitigasi boleh dilaksanakan iaitu:

Insentif dan Subsidi Kerajaan: Menyediakan sokongan kewangan atau insentif cukai untuk menampung kos pensijilan mereka yang terlibat dalam sektor pelancongan kembara. MOTAC telah menunjukkan inisiatif dalam membantu syarikat pelancongan sebelum ini, dan inisiatif ini boleh diperluaskan lagi.

Proses Pensijilan Dipermudah: Mewujudkan proses yang tidak terlalu membebankan, terutamanya untuk pengusaha kecil, tanpa mengorbankan integriti keselamatan.

Program Latihan dan Pembangunan Kapasiti: Menyediakan kursus dan bengkel untuk membantu pengusaha memahami dan melaksanakan ATSMS dengan berkesan.

Piawaian Nasional yang Sensitif terhadap Keselamatan: ATSMS merupakan piawaian keselamatan yang disesuaikan dengan konteks Malaysia, sambil mengambil kira amalan terbaik piawaian antarabangsa.

Di era pelancongan global yang sangat mengutamakan keselamatan dan

